

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada Khamis lalu telah membentangkan hala tuju utama berasaskan tiga dimensi sektor agro-makanan iaitu sekuriti makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, hala tuju itu akan dicapai melalui teras 18 strategi dan 51 inisiatif bagi memperkasa sektor pertanian dalam negara.



“Antara lima hala tuju tersebut ialah pertamanya, memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam sub-sektor padi, ruminan dan perikanan.

“Keduanya, merancang penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.



“Hala tuju ketiga ialah menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agro-prenuer muda,” katanya.

YB Datuk Salahuddin Ayub mengumumkan perkara itu pada Majlis Pelancaran Hala Tuju MOA, Prioriti dan Strategi 2019-2020 di Dewan D, Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) hari ini.

